

Banjir 3 negeri makin pulih

» *Cuaca elok, sebahagian mangsa dibenar pulang*

Oleh Azman Mahmood
dan Mohd Rafi Mamat
bhnews@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Kadaan banjir di Kelantan dan Terengganu bertambah baik semalam manakala Pahang pulih sepenuhnya.

Di **Terengganu**, jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan sehingga jam 8 malam tadi, seramai 3,288 daripada 813 keluarga berbanding 18,578 mangsa membabitkan 4,353 keluarga kelmarin.

Jumlah berkurangan secara mendadak berikutan keadaan cuaca panas sejak kelmarin menyebabkan mangsa dibenarkan

pulang ke rumah masing-masing termasuk empat daerah iaitu Besut, Hulu Terengganu, Marang dan Setiu menutup sepenuhnya pusat pemindahan, sejak awal pagi semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri, berkata, sehingga jam 8 malam, semua mangsa terbabit masih berada di 11 pusat pemindahan di tiga daerah iaitu Dungun, Kemaman dan Kuala Terengganu.

Tiga pusat pemindahan

Di **Kelantan**, portal eBanjir Negeri Kelantan melaporkan hanya tiga pusat pemindahan sementara iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Pengkalan Kubor 1, SK Pengkalan Kubor 2, dan SK Buno-han, di Tumpat masih dibuka.

Sehingga jam 4 petang sama-

FAKTA NOMBOR

3,288 mangsa

banjir di Terengganu

1,983 mangsa

banjir di Kelantan



Mohd Firdaus Najmi Mohd Fauzi, 11 (kanan) dan Hafiqah Liyana Tajuddin, 7 (kiri) menjemur buku sekolah, sambil ahli keluarga lain mengemas peralatan rumah akibat banjir di Kampung Tanjung Bukit Mentok, semalam. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

lam, seramai 1,983 mangsa membabitkan 624 keluarga masih mendia-

mi pusat pemindahan mangsa banjir berikutan rumah mereka masih ditenggelami air.

Paras air kebanyakan sungai utama di Kelantan berada pada tahap normal kecuali Sungai Go-

lok di Rantau Panjang yang mencatatkan 9.19 meter berbanding normal 9 meter.

Banjir pulih

Di **Pahang**, keadaan pulih sepenuhnya selepas pusat pemindahan terakhir di SK Galing, Kuantan yang menempatkan 182 mangsa daripada 46 keluarga ditutup pada jam 9 pagi semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu pejabat Polis Kontinjen Pahang, berkata Majlis Keselamatan Negeri mengarahkan pusat pemindahan ditutup tengah hari semalam berikutan cuaca bertambah baik dengan semua mangsa yang tinggal di Kampung Galing, Galing Besar dan Taman Sri Kuantan dibenarkan pulang pagi semalam.